

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN SU KEONG SIONG
(IPOH TIMUR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.03.2015

Y.B. TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMUR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tahap kesiapsiagaan Kerajaan untuk melaksanakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) pada 1 April 2015. Berapakah jumlah GST-e-Voucher yang telah diluluskan dan dikeluarkan kepada SME yang telah berdaftar dengan MyGST.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Tahap kesiapsiagaan Kerajaan untuk melaksanakan GST diperingkat

Kementerian Kewangan jelas dilihat melalui program yang dilaksanakan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dengan kerjasama agensi-agensi lain yang berkaitan. JKDM telah sediakan sistem pengkomputeran GST (MyGST) yang telah diuji dan menjalani "trial run" dalam tempoh setahun. Proses pendaftaran syarikat ke dalam sistem GST telah pun dilaksanakan mulai 1 Jun 2014. Sehingga 23 Mac 2015, sebanyak 358,319 perniagaan telah mendaftar.

2. JKDM juga telah melantik 113 vendor untuk membekalkan perisian perakaunan GST yang menepati piawaian yang telah ditetapkan. Pelantikan 113 vendor tersebut adalah bagi memudahkan perniagaan membeli perisian perakaunan GST yang menepati konsep perniagaan syarikat berkenaan dan memberikan latihan yang sewajarnya kepada perniagaan tentang cara penggunaan perisian perakaunan GST tersebut. Sehingga 6 Mac 2015, sebanyak 151,617 GST e-Voucher yang telah diluluskan dan dikeluarkan kepada SME yang berdaftar GST.

3. Selain itu, Pusat Panggilan Kastam (call centre) telah ditubuhkan oleh JKDM yang beroperasi di Kelana Jaya, Selangor bagi memudahkan

semua pihak mendapatkan maklumat yang tepat berkaitan GST.

4. Kerajaan melalui pelbagai saluran perhubungan sentiasa mempergiatkan program kesedaran dan latihan GST secara berterusan untuk meningkatkan kesedaran, kefahaman, penerimaan dan kesediaan masyarakat terhadap GST. Pelbagai aktiviti penjelasan dan kempen GST kepada rakyat telah, sedang dan akan terus dilaksanakan untuk memberi kesedaran dan kefahaman yang tepat mengenai GST kepada pelbagai kumpulan sasar melalui aktiviti-aktiviti komunikasi strategik iaitu melalui media massa, komunikasi secara bersemuka dan media digital/online/sosial sebagai aktiviti pemakluman kepada rakyat.

5. Penjelasan GST juga akan terus dilaksanakan melalui program wawancara, bual bicara, iklan, pengumuman, rerayap (crawler), kapsul dan sebagainya di pelbagai saluran stesen televisyen dan radio kerajaan dan swasta. Bahan-bahan sokongan seperti buku panduan GST (pengguna dan perniagaan), risalah dan roadshow pameran juga telah dilaksanakan untuk memberi penjelasan dan penerangan mengenai GST. Di samping itu juga, penjelasan dan kempen GST dilaksanakan melalui jaringan media sosial.